

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7/12/2018

# Muslimah perlu tingkat potensi diri

→ TPM mahu lelaki Islam buang sikap pandang rendah

London

**W**anita Islam perlu ke hadapan dengan berusaha meningkatkan kemahiran dan potensi, memanfaatkan bakat dan keupayaan keusahawanan agar dapat melihat kemajuan jangka panjang yang tulen dalam masyarakat Islam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata untuk mencapai matlamat ini, golongan Adam hendaklah mengubah sikap dan lebih menyokong kepada golongan Hawa.

Beliau berkata, lelaki Islam perlu membuang sikap memandang rendah yang diwarisi dalam beberapa budaya tempatan.

"Kita tidak mungkin dapat capai

keadilan sosial dengan hanya berbandarkan terjemahan yang condong dan tidak adil.

"Maruah manusia, kesejahteraan dan peningkatan taraf masyarakat tanpa mengira jantina, kaum, taraf atau etnik dalam masyarakat yang tergolong aman dan bertolak ansur paling penting.

"Tetapi semua ini termasuk lelaki," katanya pada ucapan beliau pada Forum Kepimpinan Islam (WMLF) di Lambeth Palace di selatan London, semalam.

Dr Wan Azizah, yang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi selama tiga hari ke United Kingdom, bersama pemimpin Islam dari pelbagai rantau dunia ini bagi membincangkan isu penting, mendepani cabaran dan menyediakan penyelesaian inovatif untuk menyingkir persatuan yang wujud antara penganas dan Islam.

Dalam ucapan beliau bertajuk *The Role of Women and Girls in Achieving Sustainable Development Goals (SDGs) by 2030*, Timbalan Perdana Menteri menekankan bahawa sudah tiba masanya untuk



[FOTO BERNAMA]

**Dr Wan Azizah** menyampai ucapan pada Forum WMLF 2018 di Lambeth Palace, selatan London, semalam.

mempunyai satu penyepaduan ke atas perspektif jantina yang sistematik dalam pelaksanaan dan pengawasan SDGs.

**Pelbagai bentuk diskriminasi**  
Beliau berkata, penerapan SDGs oleh semua pemimpin dunia pada 2015 adalah dengan matlamat untuk mencapai kemajuan yang berterusan dan janji tidak meninggalkan sesiapa pun di belakang.

"Pada masa sekarang, wanita

dan kanak-kanak perempuan masih berhadapan pelbagai bentuk diskriminasi," katanya di hadapan kira-kira 200 perwakilan pada WMLF yang berlangsung selama dua hari itu.

Bagaimanapun, Dr Wan Azizah menegaskan bahawa SDGs masih tidak cukup kerana menumpukan hanya pada sosial, ekonomi dan aspek fizikal pembangunan sahaja.

Dengan mencadangkan langkah utama diperlu untuk menyemai Ma-

qasid Syariah, iaitu melindungi kepercayaan, melindungi diri daripada mudarat, melindungi intelek, melindungi zuriat dan kekayaan, beliau berkata Maqasid Syariah tidak berat sebelah kepada jantina, kenegaraan, etnik atau status sosial.

Terdahulu, ketibaan beliau di London disambut Kuasa Usaha Sementara Suruhanjaya Tinggi Malaysia Mohd Suhaimi Jaafar, dan isteri Fazdiana Daud.

BERNAMA